A

PP

lwn.

RAJA ROZINA RAJA HARMAN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
AHMAD NASFY YASIN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42S-09-03-2012]
9 OKTOBER 2012

C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Pencegahan Rasuah 1997 - Seksyen 11(a) - Meminta dan menerima suapan - Sama ada dibuktikan - Sama ada pembelaan perayu berjaya mematahkan anggapan statutori di bawah s. 42(1) - Sama ada penerimaan wang seperti dalam pertuduhan dibuktikan sebagai wang rasuah - Sama ada terdapat*

D

percanggahan material dalam keterangan saksi - Keterangan rakan sejenayah - Sama ada dilindungi di bawah s. 44 - Sama ada keraguan ditimbulkan atas kes pendakwaan

KETERANGAN: *Saksi - Saksi yang dibimbing - Sama ada perbuatan*

E

saksi pendakwa membimbing keterangan saksi lain melemahkan peruntukan s. 159 dan s. 161 Akta Keterangan 1950 - Moomin Seman v. PP

Responden ('OKT') telah menghadapi tiga pertuduhan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('Akta'). Fakta kes

F

berbangkit di mana pada bulan Julai 2005, SP3 telah dimaklumkan oleh OKT yang bertugas sebagai penolong pengurus perjawatan di kilang Perak Textile Mills ('syarikat itu') bahawa SP3 telah berjaya mendapat tender sebagai pengusaha kantin. SP3 menandatangani perjanjian sebagai pengusaha kantin dan menurut perjanjian

G

tersebut, SP3 tidak dikenakan apa-apa bayaran untuk sewa dan elektrik dan hanya perlu membayar deposit sebanyak RM1,000. Bagi pertuduhan pertama, SP4, iaitu isteri SP3, dengan kehadiran SP3, telah memberi wang sebanyak RM800 melalui SP9. Wang tersebut diberi oleh SP4 kerana diminta oleh OKT semasa

H

perbincangan untuk meneruskan perniagaan di syarikat itu. Manakala bagi pertuduhan kedua, atas arahan OKT, SP4 telah membayar RM1,000 melalui SP9 dan akhirnya bagi pertuduhan ketiga, OKT telah menerima wang sebanyak RM1,000. Atas aduan SP3 dan SP4, OKT telah ditangkap oleh pegawai Badan

I

Pencegahan Rasuah. Setelah mendapati bahawa OKT berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan, hakim Mahkamah Sesyen telah melepas dan membebaskan OKT.

Tidak berpuashati terhadap keputusan tersebut, pihak pendakwaan memfailkan rayuan ke mahkamah ini. Persoalan yang timbul untuk pertimbangan adalah: (i) sama ada wang RM800 bagi pertuduhan pertama dan RM1,000 masing-masing bagi pertuduhan kedua dan ketiga telah dibuktikan sebagai wang rasuah; (ii) sama ada SP3, SP4 dan SP9 adalah rakan sejenayah dan (iii) apakah kesan keterangan saksi yang dibimbing.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen):

(1) Pihak pembelaan telah berjaya mematahkan anggapan statutori di bawah s. 42(1) Akta. Semasa pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas, mahkamah berpendapat bahawa saksi-saksi SP3, SP4 dan SP9 telah memberi dua versi keterangan yang bercanggah berkenaan wang RM800 dan RM1,000 itu. Apabila terdapat percanggahan yang material terhadap perkara pokok, maka kewibawaan saksi-saksi tersebut sebagai saksi adalah diragui. (perenggan 42, 43 & 51)

(2) SP3 dalam keterangannya telah mengakui memberi rasuah sebanyak enam kali dan juga telah menawarkan wang RM800 setelah diberitahu oleh responden bahawa pengusaha kantin terdahulu membayar RM700. Begitu juga dengan SP4 yang mengakui telah memberi rasuah dan menyedari bahawa perbuatan tersebut adalah salah di sisi undang-undang. Daripada keseluruhan keterangan SP3 dan SP4, mahkamah memutuskan bahawa mereka memainkan peranan yang aktif dalam pemberian rasuah tersebut. Oleh itu, mereka tidak dilindungi oleh s. 44 Akta. Lagipun, sebagai rakan sejenayah, keterangan mereka perlu disokong oleh suatu keterangan bebas yang "credible". (perenggan 44)

(3) SP9 adalah saksi yang dibimbing ("coached witness"). Perbuatan saksi pendakwa, iaitu SP10, membimbing keterangan SP9 adalah tidak patut sama sekali kerana ia telah melemahkan peruntukan s. 159 dan s. 161 Akta Keterangan 1950 (*Moomin Seman v. PP*; dirujuk). (perenggan 46 & 47)

(4) Keterangan OKT mengenai amaran lisan, nasihat dan teguran yang diberi olehnya kepada SP3 dan SP4 dengan bantuan SP9 berkenaan pengurusan kantin konsisten dengan keterangan SP4 yang bersetuju bahawa beliau dan SP3 diminta berjumpa dengan OKT untuk berbincang masalah kantin. Dalam hal ini, pihak pendakwaan tidak pernah meminta penjelasan SP4 dalam

pemeriksaan semula. Dengan itu, apa yang dikatakan oleh SP4 dengan sendirinya telah menyokong keterangan OKT. Seterusnya, keterangan pembelaan OKT adalah konsisten dengan penyataan amarannya. Justeru, keadaan ini telah menimbulkan keraguan ke atas kes pihak pendakwaan. (perenggan 50)

Kes-kes yang dirujuk:
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Lim Boon San v. Public Prosecutor [1967] 1 LNS 86 HC ***(dirujuk)***
Lim Hung Tong v. PP [1964] 1 LNS 89 HC ***(dirujuk)***
Mahinder Singh v. PP [1966] 1 LNS 95 FC ***(dirujuk)***
Mohamed Kasdi v. PP [1968] 1 LNS 78 HC ***(dirujuk)***
Moomin Seman v. PP [1993] 4 CLJ 61 HC ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No 2) [1976] 1 LNS 97 HC ***(dirujuk)***
PP v. Saimin & Ors [1971] 1 LNS 115 HC ***(dirujuk)***
PP v. Yuvaraj [1968] 1 LNS 116 PC ***(dirujuk)***
Rattan Singh v. PP [1970] 1 LNS 132 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Corruption Act 1997, ss. 11(a), 16, 42(1), 44
Criminal Procedure Code, s. 180(2)
Evidence Act 1950, ss. 159, 161

Bagi pihak perayu - Norhafiedzah Md Daud; TPR
Bagi pihak responden - Gurbachan Singh; T/n Bachan & Kartar

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Ahmad Nasfy Yasin PK:

Pendahuluan

[1] Responden telah menghadapi tiga pertuduhan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997, iaitu:

Pertuduhan Pertama

> Pada 5 Disember 2005, jam lebih kurang 3.30 petang di Stor Kantin, Perak Textile Mills Sdn. Bhd. Industrial Estate Kuala Kangsar sebagai ejen syarikat, iaitu, Penolong Pengurus, Bahagian Perjawatan yang bertugas di Perak Textile Mills Sdn. Bhd., Industrial Estate Kuala Kangsar, secara rasuah telah menyetuju-terima suatu suapan sejumlah RM800.00 daripada seorang Rodziah bt Ahmad melalui Mohd. Khair b. Abd. Rahman sebagai balasan bagi melakukan sesuatu perbuatan berhubungan dengan hal ehwal

prinsipalnya, iaitu Perak Textile Mills Sdn. Bhd., iaitu, untuk memudahkan urusan Rodziah bt Ahmad dalam urusan tender kantin yang sedang berjalan dan dengan demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan boleh dihukum dibawah seksyen 16 Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua:

Pada 5 Januari 2006, jam lebih kurang 3.30 petang di Stor Kantin, Perak Textile Mills Sdn. Bhd., Industrial Estate Kuala Kangsar sebagai ejen syarikat, iaitu, Penolong Pengurus, bahagian Perjawatan yang bertugas di Perak Textile Mills Sdn. Bhd., Industrian Estate Kuala Kangsar, secara rasuah telah menyetuju-terima suatu suapan sejumlah RM1,000.00 daripada seorang Rodziah bt Ahmad melalui Mohd. Khair bin Abd. Rahman sebagai balasan bagi melakukan sesuatu perbuatan berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya, iaitu Perak Textile Mills Sdn. Bhd. iaitu untuk memudahkan urusan Rodziah bt Ahmad dalam urusan tender kantin yang sedang berjalan dan dengan demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan boleh dihukum dibawah seksyen 16 Akta yang sama.

Pertuduhan Ketiga:

Pada 6 Februari 2006, jam lebih kurang 1.05 petang, di Bilik Mesyuarat 1, Perak Textile Mills Sdn. Bhd. Industrial Estate Kuala Kangsar sebagai ejen Syarikat, iaitu, Penolong Pengurus, Bahagian perjawatan yang bertugas di Perak Textile Mills Sdn. Bhd. Industrial Estate Kuala Kangsar, secara rasuah telah menyetuju-terima suatu suapan sejumlah RM1,000.00 daripada seorang Rodziah bt Ahmad sebagai balasan bagi melakukan sesuatu perbuatan berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya iaitu Perak Textile Mills Sdn. Bhd., untuk memudahkan urusan Rodziah bt. Ahmad dalam urusan tender kantin yang sedang berjalan dan dengan demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan boleh dihukum dibawah seksyen 16 Akta yang sama.

[2] Pada 25 Ogos 2010, Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar ("Puan HMS") telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap responden bagi ketiga-tiga pertuduhan lalu melepaskan dan membebaskan responden daripada ketiga-tiga pertuduhan tanpa dipanggil membela diri.

[3] Pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan keatas keputusan tersebut dan pada 29 Jun 2011 Mahkamah Tinggi Taiping telah memerintahkan responden membela diri ke atas ketiga-tiga pertuduhan tersebut.

[4] Pada 22 Disember 2011 setelah mendengar keterangan membela diri, Puan Hakim Mahkamah Sesyen memutuskan bahawa pihak responden telah berjaya mematahkan anggapan dan menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan lalu responden dilepas dan dibebaskan. Tidak berpuashati ke atas keputusan tersebut, pihak pendakwaan memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi.

Kes Pendakwaan

[5] Pada bulan Jun 2005, SP3 mendapat tahu bahawa Kilang Perak Textile Mills ada membuka tender untuk pengusaha kantin. SP3 berjumpa responden yang bertugas sebagai Penolong Pengurus Perjawatan dan memberikan butir-butir peribadinya untuk permohonan pengusaha kantin.

[6] Pada Julai 2005, responden telah maklumkan kepada SP3 bahawa beliau berjaya mendapat tender kantin itu. Responden memanggil SP3 berjumpanya dengan dihadiri oleh En Katayama dan kemudiannya memberi taklimat berkaitan menu dan harga makanan di kantin. Selepas taklimat, responden bertanya SP3 sama ada beliau sanggup memberi imbuhan atau bayaran pada setiap dua minggu sekali sebagai sumbangan kepada kakitangan bawahan. Responden beritahu SP3 bahawa pengusaha terdahulu memberi RM700 setiap dua minggu. SP3 mengatakan bahawa beliau akan membayar kepada responden RM800 untuk setiap dua minggu dan responden bersetuju. Selepas perjumpaan itu, SP3 pun memulakan perniagaan pada 1 Ogos 2005 (ms 51-52 rekod rayuan).

[7] SP3 menandatangan perjanjian (P7) sebagai pengusaha kantin pada 29 Ogos 2005. Menurut P7, SP3 tidak dikenakan apa-apa bayaran untuk kantin, tiada sewa dan tiada bayaran letrik. SP3 hanya diperlukan membayar deposit kepada kilang sebanyak RM1,000 sepertimana resit yang dikeluarkan (P8).

[8] Menurut SP3, bayaran untuk responden merupakan satu bayaran biasa untuk mendapatkan tender (ms 51 rekod rayuan). Untuk bayaran pertama, responden memberi nombor akaun Maybank dan SP3 telah mendepositkan RM800 melalui mesin ATM ke dalam akaun responden di Maybank Kuala Kangsar. Pada masa tersebut, SP4 iaitu isteri SP3 ada bersama. SP4 ada

bertanya apa bayaran wang itu dan SP3 memberitahu is adalah bayaran sewa kantin. SP4 percaya bayaran tersebut adalah untuk sewa kantin (ms 51, 53 - 54 rekod rayuan).

[9] Selepas itu, pada 4 dan 5 September 2005, SP3 membayar kepada responden di kantin kilang sebanyak RM800. Bayaran itu adalah keseluruhan daripada jumlah RM1,600 seperti yang diminta oleh responden pada setiap bulan (ms 54 rekod rayuan).

[10] Pada lebih kurang 19-20 September 2005, SP3 menyerahkan wang RM800 kepada responden di Pejabat Perak Textile Mills yang merupakan bayaran ketiga (ms 55 rekod rayuan). Pada akhir September 2005, SP3 telah terlambat bayar lalu responden mengarahkan SP3 membayar kepada SP9. SP3 kemudiannya menyerahkan RM800 kepada SP9 di stor kantin (ms 55).

[11] Seterusnya pada 19-20 Oktober 2005, bayaran sebanyak RM800 dibayar melalui SP9 seperti diminta oleh responden (ms 55 rekod rayuan). Menurut SP3 bayaran kepada responden dianggap sebagai wang perlindungan di mana SP3 akan terlepas dari aduan-aduan pihak pekerja mengenai mutu perkhidmatan kantin dan masalah lain.

[12] Pada 9 November 2005, SP4 menerima panggilan daripada anaknya memberitahu SP3 tiada di kantin. SP4 pun terus ke pasar membeli barang-barang keperluan kantin. Apabila sampai di kilang SP4 tidak dibenarkan masuk dan beliau terus balik ke rumah. Pada jam lebih kurang 11.30 pagi responden datang ke rumah SP4 memberitahu supaya mengambil semua barang di kantin. Responden memaklumkan bahawa ada pengusaha kantin lain yang akan mengambil alih kantin. SP4 bertanya tentang perjanjian P7 di antara kilang dan SP3. Responden mengatakan akan berbincang dengan bosnya dan akan datang balik pada jam 12.30 tengahari.

[13] Pada jam lebih kurang 12.10 tengahari, responden sampai di rumah SP4 dan membenarkan SP4 meneruskan perniagaan kantin tetapi dengan empat syarat:

(i) Tiada sebarang masalah atau kelewatan berlaku di kantin

(ii) Sekiranya berlaku masalah, wang cagaran RM1,000 akan hangus

(iii) Responden memberi tempoh satu bulan supaya tiada sebarang masalah perniagaan

(iv) Responden meminta RM800 sebulan dan menyatakan sebelum itu SP3 memberi RM1,600.

[14] SP4 bersetuju menerima empat syarat tersebut. Pada 16 November 2005, SP4 pergi ke pejabat Perak Textile Mills untuk menghantar invois. Responden dan SP9 memanggil SP4 masuk ke satu bilik mesyuarat dan berbincang supaya tambahan bayaran bulanan RM200 bagi menjadikan RM1,000. SP4 bersetuju (ms 73 rekod rayuan).

[15] Pada 5 Disember 2005, SP9 telah menelefon SP4 meminta wang. Lebih kurang jam 3 petang pada hari yang sama SP9 datang ke kantin Perak Textile dan SP4 memberi wang RM800 kepada SP9 dan menyuruh SP9 menandatangani di resit penerimaan (P17). Pada masa penyerahan wang, SP3 ada bersama dan melihat penyerahan itu. SP4 memberitahu beliau memberi wang RM800 kerana diminta oleh responden semasa perbincangan untuk meneruskan perniagaan di Perak Textile (ms 73 - 74 rekod rayuan).

[16] Bayaran kedua pada 5 Januari 2006 sebanyak RM1,000 seperti diminta oleh responden telah dibuat kepada SP9 di stor kantin semasa SP4 menyerah wang itu. SP4 meminta SP9 menandatangani satu resit (P18). SP3 hadir semasa SP4 menyerah wang tersebut dan nampak SP9 menandatangani di resit (ms 74 rekod rayuan).

[17] Pada 27 Januari 2006, SP3 dan SP4 pergi ke BPR Ipoh untuk berjumpa pegawai BPR dan membuat aduan 15/2006 (P19). SP3 dan SP4 diarah datang semula pada 6 Februari 2006.

[18] Pada 6 Februari 2006, SP3 dan SP4 pergi ke Pejabat BPR Ipoh. Pada jam 9 pagi SP4 menelefon responden meminta mengurangkan bayaran dan juga untuk berjumpa dengan responden. Responden memberitahu beliau sibuk dan tidak hendak berjumpa. SP2 membuat rakaman perbualan telefon tersebut (pita rakaman P11) dan (transkripsi P15). Selepas itu pada jam 11 pagi SP4 menelefon responden minta berjumpa dan responden bersetuju berjumpa di kilangnya pada petang yang sama. SP2 telah membuat rakaman perbualan telefon tersebut (pita rakaman P12 dan transkripsi P16). P11 dan P12 dimain dan SP3 dan SP4 camkan suaranya, suara responden dan suara SP2.

[19] SP5 kemudiannya menyerahkan wang perangkap (P22) kepada SP4 di Restoran Impiana Kuala Kangsar di mana SP4 menandatangani senarai wang perangkap (P20). SP3, SP4, SP5 dan SP6 menuju ke kilang. Sampai di kilang, SP3 dan SP4 masuk ke pejabat untuk berjumpa responden dan sementara SP5 dan SP6

menunggu di luar. SP3 memberitahu responden hendak membuat bayaran dan wang (P22) diserah oleh SP4 dalam sampul surat (P21) kepada responden. Selepas menerima wang tersebut, responden mengatakan terima kasih. Kemudian SP3 dan SP4 pun keluar dari bilik tersebut dan memberi isyarat kepada SP5. SP5 dan SP6 terus masuk ke pejabat dan memperkenalkan diri sebagai pegawai BPR kepada responden. SP6 bertanya kepada responden di mana wang yang diterima. Responden pun mengeluarkan satu sampul surat putih (P21) daripada poket seluarnya dan meletakkannya di atas meja. Seterusnya SP6 membuat tangkapan ke atas responden (ms 96 rekod rayuan).

[20] Semakan wang (P22) telah dibuat oleh SP6 dengan senarai wang bertanda (P20) dan dipastikan adalah wang perangkap. Semasa semakan P22 didapati nombor siri sekeping wang note nombor silap dan diperbetulkan oleh SP6 di P20. SP6 kemudiannya mengeluarkan borang sita (P26a dan b).

Asas Rayuan Perayu

[21] Standard pembuktian yang harus dibuktikan oleh perayu di akhir kes pendakwaan adalah pada tahap *'prima facie'* dan apabila kes tahap *prima facie* berjaya dibuktikan maka anggapan statutori terhadap tertuduh di bawah s. 42 APR 1997 adalah diaktifkan dan adalah menjadi tugas pihak pembelaan untuk mematahkan anggapan tersebut. Puan HMS telah khilaf dalam penggunaan "standard" pembuktian tersebut apabila memberi keputusan di akhir kes pembelaan dengan mengatakan bahawa "pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes sehingga melampaui keraguan yang munasabah."

Intipati Pertuduhan

[22] Intipati-intipati di bawah s. 11(a) APR 1997 yang harus dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

(i) Responden adalah seorang ejen.

(ii) Menyetuju terima suatu suapan sebagai dorongan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan hal ehwal principalnya.

(iii) Secara rasuah.

A **Perkara-perkara Yang Dibangkitkan Oleh Peguambela Perayu**

[23] Perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut:

B (i) SP3 telah mengakui memberi wang suapan sebanyak enam kali. SP4 juga mengakui memberi wang suapan. Oleh itu pengakuan mereka jelas terjumlah di dalam kesalahan di bawah s. 11 APR 1997.

C (ii) SP3 dan SP4, merupakan rakan sejenayah di mana keterangan mereka tidak boleh menyokong antara satu sama lain. Justeru keterangan mereka perlu disokong oleh suatu keterangan bebas yang "credible".

D (iii) Terdapat percanggahan yang material di dalam keterangan SP3, SP4 dan SP9 juga eks. P17 dan P18 yang menyatakan "payment of service".

(iv) SP9 adalah seorang saksi yang dibimbing (coached witness).

E (v) Kegagalan SP3 dan SP4 dalam membuat laporan polis mengenai wang suapan yang diberi pada kejadian yang lepas.

(vi) Pembelaan responden telah disokong oleh percakapan beramarannya (eks. D30). Justeru telah berjaya mematahkan anggapan statutori di bawah s. 42(1) APR 1997.

F **Hujahan Timbalan Pendakwa Raya/Perayu**

[24] Adalah menjadi fakta yang tidak dipertikaikan bahawa responden disahkan melalui SP1 dan SP9 sebagai Penolong Pengurus Bahagian Perjawatan di Perak Textile Mills, Kuala G Kangsar mulai 1 Disember 1996 hingga Februari 2006. (rujuk butir-butir peribadi responden eks. P2).

[25] Bagi intipati (ii) Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan intipati tersebut ke H atas ketiga-tiga pertuduhan terhadap responden seperti berikut:

(i) Tuduhan Pertama

I Pada 5 Disember 2005, SP9 telefon SP4 meminta wang. Lebih kurang jam 3 petang pada hari yang sama SP9 datang ke kantin, Perak Textile dan SP4 memberi wang RM800 kepada SP9 dan suruh SP9 tandatangan di resit penerimaan (eks. P17). Pada masa penyerahan wang, SP3 ada bersama

dan lihat penyerahan itu. SP4 memberitahu memberi wang RM800 kerana diminta oleh responden semasa perbincangan untuk meneruskan perniagaan di Perak Textile.

(ii) Tuduhan Kedua

Pada 5 Januari 2006 seperti diminta oleh responden sebanyak RM1,000. Bayaran tersebut dibuat melalui P9 di stor kantin oleh SP4, semasa SP4 menyerah wang tersebut kepada SP9, SP4 telah meminta SP9 tandatangan satu resit (eks. P18) SP3 hadir semasa SP4 serah wang tersebut.

(iii) Tuduhan Ketiga

Pada 6 Februari 2006 sebelah petang, SP3, SP4, SP5 dan SP6 pergi ke kilang Perak Textile. SP3 dan SP4 masuk ke pejabat serahkan wang perangkap (eks. P22) di dalam sampul surat (eks. P21) kepada responden. SP5 dan SP6 yang membuat tangkapan terhadap responden melihat responden mengeluarkan satu sampul surat putih (eks. P21) berisi wang perangkap daripada poket seluar beliau dan letak di atas meja. SP6 membuat tangkapan ke atas responden dan membuat semakan wang (eks. P22) dalam sampul surat dengan senarai wang bertanda (eks. P20) dan mendapatinya adalah wang perangkap.

[26] Intipati (iii) merupakan suatu yang melibatkan niat. Intipati ini tidak boleh dibuktikan melalui keterangan langsung (direct evidence) sebaliknya melalui inferens yang boleh diperolehi daripada penilaian fakta secara keseluruhan (rujuk kes *PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris* (No 2) [1976] 1 LNS 97, *PP v. Yuvaraj* [1968] 1 LNS 116).

[27] Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa pembelaan responden hanyalah satu pembelaan "afterthought" dan satu rekaan semata-mata.

[28] Pembelaan responden bahawa beliau mendapat banyak maklumat kantin sering ditutup tanpa alasan adalah satu "afterthought" kerana isu ini tidak pernah dibangkitkan semasa pemeriksaan balas kepada mana-mana saksi pendakwaan SP5 hanya ditanya berkenaan kantin tidak dibuka pada 9 November 2005 (ms 130 - 131 rekod rayuan) manakala SP3, SP7 atau SP1 langsung tidak disoal mengenai perkara tersebut.

[29] Seterusnya pembelaan responden mengatakan tidak pernah meminta dan menerima apa-apa wang rasuah daripada SP3, SP4 atau melalui SP9 hanyalah suatu penafian semata-mata tanpa sebarang keterangan sokongan.

[30] Seterusnya Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa pengakuan responden memberi nombor akaun Maybank kepada SP3 hanyalah dengan satu tujuan iaitu supaya SP3 dapat memasukkan wang rasuah yang diminta oleh responden. Secara logiknya, tiada sebab untuk responden memberi nombor akaun tersebut sedangkan mereka tiada kaitan persaudaraan dan jawatan responden sebagai Penolong Pengurus Bahagian Perjawatan tiada kaitan dengan urusan tender kantin.

Analisis Keterangan Dan Keputusan Mahkamah

[31] Di dalam kes ini, responden menghadapi tiga pertuduhan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah, 1997 dan boleh dihukum di bawah s. 16 Akta yang sama.

[32] Bagi ketiga-tiga pertuduhan ini pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan saksi-saksi material iaitu SP3, SP4, SP5, SP6, dan SP9 serta ekshibit-ekshibit yang relevan iaitu P2, P3, P7, P8, P15, P17, P18 dan P22.

[33] Secara ringkas, isu-isu yang berbangkit dalam rayuan ini bolehlah dirumuskan seperti berikut:

(i) Sama ada wang RM800 bagi pertuduhan pertama dan wang RM1,000 masing-masing bagi pertuduhan kedua dan ketiga telah dibuktikan sebagai wang rasuah;

(ii) Sama ada SP3, SP4 dan SP9 adalah rakan sejenayah ("accomplice");

(iii) Apakah kesan keterangan saksi yang dibimbing.

[34] Pada pendapat mahkamah bagi merungkai isu (i), (ii) dan (iii) di atas adalah wajar mahkamah diperingkat rayuan ini memeriksa dan meneliti semula keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan selaras dengan peruntukan s. 180(2) Kanun Prosidur Jenayah ("KPJ") dan ujian yang digariskan dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85.

[35] Secara ringkas analisis keterangan saksi-saksi adalah seperti berikut:

(i) Saksi-saksi SP3, SP4 dan SP9 telah memberi dua versi keterangan yang berbeza berkaitan subjek perkara iaitu wang RM800 bagi pertuduhan pertama dan RM1,000 masing-masing bagi pertuduhan kedua dan ketiga.

(ii) Saksi-saksi SP3 dan SP4 mengakui telah memberi rasuah beberapa kali kepada responden dan melalui SP9 (rujuk ms 140, 143, 150, 156) SP3 dan SP4 memainkan peranan yang cukup aktif dalam pemberian wang rasuah. Oleh itu mereka adalah rakan sejenayah.

(iii) Pengakuan SP9 bahawa beliau memberi keterangan yang dibimbing (coached witness).

[36] Menurut SP3 bayaran pertama sebanyak RM800 yang diminta oleh responden dibayar melalui SP9 pada 5 Disember 2005 (seperti mana resit P17) dan bayaran kedua sebanyak RM1,000 dibayar melalui SP9 pada 5 Januari 2006 (resit P18). Kedua-dua bayaran ini dibuat oleh SP4 kepada SP9 (rujuk ms 57 dan 58 rekod rayuan).

[37] Dalam pemeriksaan balas ke atas SP3, SP3 menyatakan di ms 144 seperti berikut:

S: Setuju atau tidak anda tiada bukti serah wang rasuah kepada OKT secara bertulis.

J: Setuju.

S: Setuju atau tidak, ada bukti isteri anda beri wang kepada Khair Johari dan anda tahu atau tidak.

J: Setuju dan saya tahu.

Di ms 145 rekod rayuan SP3 menyatakan:

S: Setuju atau tidak, P17 dan P18 dirujuk. Ini adalah bukti yang tunjuk wang rasuah diberi oleh isteri anda kepada Khair Johari.

J: Setuju.

S: Setuju atau tidak, selain P17 dan P18, tiada bukti surat - wang rasuah dibayar kepada OKT.

J: Setuju.

A Di ms 146 rekod rayuan, SP3 menyatakan:

S: Setuju atau tidak, tiada suatu perkataan tentang pemberian wang rasuah kepada OKT dalam ID15.

J: Setuju.

B

S: Setuju atau tidak jawapan anda tadi ada perbincangan pemberian wang rasuah tidak benar.

J: Setuju.

C

S: Setuju atau tidak, jawapan anda bohong dalam mahkamah setelah angkat sumpah.

J: Setuju.

D **[38]** Menurut SP4, beliau telah memberi wang rasuah kepada responden melalui SP9 sebanyak dua kali iaitu pada 5 Disember 2005 dan 5 Januari 2006.

[39] Semasa pemeriksaan balas, SP4 menyatakan di ms 127:

E P17 dirujuk.

Adalah resit daripada saya dan ditandatangan oleh Khair Johari, tarikh 5 Disember 2005.

F

S: Setuju atau tidak Khair Johari telah terima wang rasuah RM800.

J: Setuju.

Di ms 128, SP4 menyatakan:

G

S: Setuju atau tidak, P18 dirujuk, anda memberi wang rasuah kepada Khair Johari RM1,000.

J: Setuju.

H Setuju atau tidak, tiada butir-butir P17 dan P18 terhadap OKT.

J: Setuju.

Setuju atau tidak, anda dan suami tidak hadir dan lihat sendiri Khair Johari serah wang itu kepada OKT.

I

J: Setuju.

Di ms 129 rekod rayuan

S: Setuju atau tidak P17 dan P18 dirujuk, "payment of services."

J: Setuju.

Setuju atau tidak, P17 dan P18, tidak ada bukti kukuh anda memberi wang rasuah tetapi wang perkhidmatan oleh Khair Johari.

J: Setuju.

Di ms 130:

S: Setuju atau tidak, ini bukan wang rasuah tetapi wang perkhidmatan kepada Khair Johari.

J: Setuju.

S: Setuju atau tidak, anda tidak pernah pada 5 Disember 2005 dan 5 Januari 2006 anda beri wang rasuah kepada OKT.

J: Tidak setuju.

S: Saya tiada bukti serah wang kepada OKT pada 5 Disember 2005 dan 5 Januari 2006.

Di ms 133 rekod rayuan:

S: Setuju atau tidak, P19 dirujuk, tidak sebut wang rasuah pada 9 November 2005.

J: Tidak sebut wang rasuah tapi wang kopi.

Di ms 134 rekod rayuan:

Pada 6 Februari 2006, saya jumpa OKT, saya yang beri wang kepada OKT.

S: Setuju atau tidak, anda memberi satu sampul surat putih.

J: Setuju, sampul surat tertutup.

S: Setuju atau tidak, apabila sampul surat putih tutup, tidak boleh lihat kandungan daripada luar.

J: Setuju.

S: Setuju atau tidak, anda beri OKT sampul surat, bukan wang tunai tanpa sampul surat.

J: Setuju.

S: Setuju atau tidak, sampul surat biasanya terkandung surat.

J: Setuju.

Di ms 136 rekod rayuan:

S: Setuju atau tidak, ID16, anda mula percakapan, dirakam pada 6 Februari 2006 dan kemudian suami anda langsung tiada perkataan suami anda hendak jumpa OKT untuk bincang wang rasuah RM800 dan RM1,000.

J: Setuju.

Di ms 137 rekod rayuan:

S: Setuju atau tidak, dalam perbualan anda dengan OKT langsung tiada perbualan tentang meminta dan memberi wang rasuah.

J: Setuju.

Di ms 138 rekod rayuan:

S: Setuju atau tidak, sebenarnya anda dan suami anda pergi minta jumpa OKT untuk bincang masalah kantin tidak untung.

J: Setuju.

S: Setuju atau tidak, sebenarnya ID21 diberi oleh anda kepada OKT, anda beritahu OKT ini adalah surat untuk Perak Textile.

J: Tidak setuju.

[40] Menurut SP9, pada 5 Disember 2005 beliau diarah oleh OKT mengambil barang daripada saudara Rashid. Barang itu didapati wang bergulung dengan getah. Wang bergulung itu diberi kepadanya oleh Rashid dan isteri. Semasa wang diserah SP9 disuruh menandatangani resit. Selepas itu SP9 terus serah wang kepada OKT. Pada 5 Januari 2006 OKT mengarahkan SP9 berjumpa Encik Rashid dan isteri mereka serahkan satu "envelope" dan menyuruhnya serahkan kepada OKT. Semasa diserah "envelope" tersebut SP9 disuruh menandatangani satu resit selepas itu SP9 serahkan kepada OKT.

[41] Dalam pemeriksaan balas, di ms 165 rekod rayuan, SP9 menyatakan: A

S: Adakah anda ada bukti anda serah "envelope-envelope" kepada Raja Rozina.

J: Tiada. B

Di ms 168 rekod rayuan:

S: Adakah anda ditanya oleh BPR Ipoh, anda tidak beri keterangan kepada BPR anda boleh dituduh. C

J: Setuju.

S: Setuju atau tidak, anda telah bekerjasama dengan BPR untuk elak tuduhan kepada anda.

D

J: Setuju.

[42] Berdasarkan petikan kenyataan-kenyataan di atas, mahkamah berpendapat bahawa saksi-saksi SP3, SP4 dan SP9 telah memberi dua versi keterangan yang bercanggah berkenaan wang RM800 dan RM1,000 semasa pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mahinder Singh v. PP* [1966] 1 LNS 95 memutuskan: E

> held: "The learned trial judge should have taken into consideration the answers of the complaint elicited in cross-examination and in the circumstances of the case and in view of the contradiction's in the evidence of the complainant the conviction must be set aside." F

[43] Pada pendapat mahkamah, apabila terdapat percanggahan yang material terhadap perkara pokok, maka kewibawaan SP3, SP4 dan SP9 sebagai saksi adalah diragui. Dalam kes *Mohamed Kasdi v. PP* [1968] 1 LNS 78 menyatakan: G

> No hard and fast rule can be laid down for determining the credibility or otherwise of a witness but when a witness gives or makes two statements which differ in particulars there must be necessarily be ground for believing that he is not a truthful witness. H

[44] SP3, dalam keterangannya telah mengakui memberi rasuah sebanyak enam kali. Begitu juga SP4 mengakui memberi rasuah dan menyedari perbuatan tersebut adalah salah di sisi undang-undang I

A malah SP3 sendiri menawarkan wang RM800 setelah diberitahu oleh responden bahawa pengusaha kantin terdahulu membayar RM700. Daripada keseluruhan keterangan SP3 dan SP4 mahkamah memutuskan bahawa mereka memainkan peranan yang aktif dalam pemberian rasuah tersebut. Oleh itu mereka tidak
B dilindungi oleh s. 44 APR 1997. Justeru mereka adalah rakan sejenayah (rujuk kes *Rattan Singh v. PP* [1970] 1 LNS 132). Sebagai rakan sejenayah keterangan mereka perlu disokong oleh suatu keterangan bebas yang 'credible' (rujuk kes *Lim Boon San v. Public Prosecutor* [1967] 1 LNS 86).

C

[45] SP3 dan SP4 mengakui telah beberapa kali memberi rasuah (rujuk ms 156, 140, 143 dan 150 rekod rayuan). Keterangan mereka diselubungi dengan "infamous character". Oleh itu keterangan mereka perlu disokong oleh keterangan saksi bebas
D yang credible (rujuk kes *Lim Hung Tong v. PP* [1964] 1 LNS 89).

[46] SP9 mengakui telah dibimbing untuk memberi keterangan oleh SP10. Oleh itu SP9 adalah saksi yang dibimbing (coached witness). Dalam kes *Moomin Seman v. PP* [1993] 4 CLJ 61; [1993] 3 MLJ 282 telah diputuskan:

E

Held:

(1) A witness testifying in court should speak from memory unaided and only when that cannot be done, can recourse be had to his written statement. If this is not followed, the
F statement may be relied upon in place of that expressed from memory alone and the two may not be the same at the time of testifying. A witness cannot refresh his memory as of right. It is within the discretion of the court whether or not to allow it.

G

[47] Mahkamah berpendapat, berdasarkan fakta-fakta kes ini, perbuatan saksi pendakwa iaitu SP10 membimbing keterangan SP9 adalah tidak patut sama sekali kerana ia telah melemahkan peruntukan ss. 159 dan 161 Akta Keterangan 1950.

H **[48]** Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah berpendapat bahawa kes pihak pendakwaan telah diselubungi dengan keraguan-keraguan dan oleh itu gagal membuktikan kes *prima facie* ke atas semua pertuduhan yang dikemukakan terhadap responden.

I

[49] Walau bagaimanapun Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan Timbalan Pendakwa Raya dan memerintahkan responden membela diri. Justeru mahkamah ini berpendapat adalah wajar keterangan pembelaan responden dibincangkan dalam rayuan ini.

[50] Dalam pembelaan, responden tidak menafikan diberi tugas pentadbiran am termasuk mengurus tender kantin. Menurut responden, beliau banyak mendapat maklumat kantin sering ditutup tanpa memberi alasan kepada majikan syarikat. Pada November 2005 atas arahan ketuanya bernama Katayama, responden pun memberi amaran lisan, nasihat dan teguran kepada SP3, SP4 dengan bantuan SP9. Keterangan responden ini konsisten dengan keterangan SP4 yang bersetuju beliau dan suami (SP3) minta berjumpa responden untuk berbincang masalah kantin. Dalam hal ini pihak pendakwaan tidak pernah meminta penjelasan SP4 dalam pemeriksaan semula. Oleh itu apa yang dikatakan oleh SP4 dengan sendirinya telah menyokong keterangan responden. Seterusnya keterangan pembelaan responden konsisten dengan penyataan beramarannya (eks. D30). Justeru keadaan-keadaan ini telah menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan. Dalam kes *PP v. Saimin & Ors* [1971] 1 LNS 115; [1971] 2 MLJ 16 Sharma J menyatakan di ms. 17:

> A conviction cannot be sustained even if the court is satisfied that the prosecution story "may be true" unless and until it is found that the prosecution story "must be true". The burden of proof remains on the prosecution throughout the trial. If the learned magistrate was not satisfied with the case of the prosecution it was his duty to acquit and discharge the accused at the close of the prosecution case. The falsity of the defence does not relieve the prosecution from proving the prosecution case beyond the reasonable doubt. The burden of proving guilt in a criminal charge is always on the prosecution except in certain cases with which we are not concerned here.

Kesimpulan

[51] Sebagai rumusan, mahkamah berpendapat bahawa pihak pembelaan telah berjaya mematahkan anggapan statutori di bawah s. 42(1) APR 1997 di peringkat kes pendakwaan lagi. Justeru, mahkamah memutuskan untuk menolak rayuan Timbalan Pendakwa Raya dan perintah pelepasan dan pembebasan ke atas ketiga-tiga pertuduhan oleh Puan HMS dikekalkan.